

D702

U B486 BAH  
MAHATHIR - PELANCONGAN

SEPANG, 1 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGESA MEREKA YANG TERLIBAT DALAM INDUSTRI PELANCONGAN SUPAYA BERPANDANGAN JAUH UNTUK MEMASTIKAN SEKTOR ITU DAPAT TERUS MENGUNTUNGAN SEMUA PIHAK DAN NEGARA.

BELIAU BERKATA, MEREKA PERLU MENGIKIS SIKAP SEPERTI RESMI AYAM YANG +KAIS PAGI MAKAN PAGI, KAIS PETANG MAKAN PETANG+ KERANA IA MERUGIKAN UNTUK JANGKA PANJANG.

+PELANCONGAN ADALAH PELABURAN JANGKA PANJANG= APA YANG KITA DAPAT HARI INI PERLU DISIMPAN SEDIKIT UNTUK ESOK= KITA TIDAK BOLEH MENGIKUT RESMI AYAM,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN PUSAT PERANGINAN TEPI PANTAI BAGAN LALANG DEKAT SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SIKAP SOPAN SANTUN DAN LAYANAN MESRA PENTING UNTUK MEMASTIKAN PELANCONG TERUS MENGUNJUNGI NEGARA INI.

+JIKA KITA LAYAN MEREKA LEBIH BAIK SEDIKIT, KITA AKAN MENDAPAT WANG MEREKA LEBIH BANYAK= JANGANLAH KITA MELETAKKAN PASIR DALAM PERIUK NASI KITA DENGAN SIKAP YANG TIDAK BERFAEDAH,+ KATANYA. -- LAGI.

1535MST 01 07 90

U B487 BAH  
MAHATHIR - PELANCONGAN 2 SEPANG

BELIAU MEMBERI CONTOH TENTANG SIKAP NEGATIF SEORANG NELAYAN YANG MEYEWAKAN BOT KEPADA PELANCONG KE SEBUAH PULAU, YANG ENGGAN MEMENUHI KEHENDAK PELANCONG ITU UNTUK MELANCONG LEBIH LAMA DI PULAU ITU KERANA IA BERANGGAPAN +TIADA GUNA MELAYAN PELANCONG KERANA MEREKA DATANG SEKALI SAHAJA.+

KATANYA, SIKAP SEPERTI ITU BUKAN SAHAJA MENJEJASKAN INDUSTRI PELANCONGAN TETAPI JUGA MEMBERI GAMBARAN YANG TIDAK BENAR MENGENAI SIKAP SEBENAR RAKYAT MALAYSIA.

PERDANA MENTERI BERKATA, DAKWAAN PIHAK-PIHAK TERTENTU KONONNYA INDUSTRI PELANCONGAN TIDAK MENGUNTUNGAN MALAH MEMBEBANKAN PULA NEGARA KERANA PARA PELANCONG YANG DATANG AKAN MENGOTORKAN NEGARA INI ADALAH TIDAK BERASAS KERANA IA MENGHASILKAN KESAN-KESAN KEUNTUNGAN BERGANDA.

KATANYA, APABILA SESEORANG PELANCONG BERBELANJA BUKAN SAHAJA KERAJAAN YANG UNTUNG TETAPI PENGUSAHA HOTEL DAN TEMPAT PELANCONGAN DAPAT PULA MENYEDIAKAN PELUANG PEKERJAAN YANG LEBIH KEPADA PENGGANGGUR DAN PELUANG PERNIAGAAN KEPADA PEMBEKAL MAKANAN. -- LAGI.  
1537MST 01 07 90

U B488 BAH  
MAHATHIR - PELANCONGAN 3 SEPANG

+DENGAN SEMAKIN RAMAI ORANG MENDAPAT KERJA LEBIH RAMAI PULA YANG AKAN DAPAT BERBELANJA DAN INI AKAN MENGUNTUNGAN PULA PENIAGA-PENIAGA KECIL MAKANAN ATAU PENJUAL KRAFTANGAN YANG AKAN MENDAPAT LEBIH RAMAI PENGUNJUNG,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BAGI SETIAP SERINGGIT KEUNTUNGAN PARA PENGUSAHA DALAM SEKTOR PELANCONGAN, KERAJAAN MENDAPAT CUKAI SEBANYAK 35 SEN DAN DARIPADA CUKAI ITULAH KERAJAAN DAPAT MENYEDIKAKAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR SEPERTI KLINIK, JALAN RAYA DAN JAMBATAN KEPADA RAKYAT.

PUSAT PERANGINAN TEPI PANTAI BAGAN LALANG BERHARGA \$500,000 DI TAPAK SELUAS 4.5 HEKTAR DIBANGUNKAN SEJAK TAHUN 1988 DAN SETAKAT INI, SEBANYAK 60 PERATUS DARIPADA KERJA-KERJA PEMBINAAN TELAH SIAP MELIBATKAN ENAM BUAH CHALET BERHAWA DINGIN DAN TIGA ASRAMA YANG BOLEH MANAMPUNG 200 ORANG, DUA DEWAN SYARAHAN, SEBUAH SURAU, PADANG PERMAINAN DAN TAPAK KHEMAH PERCUTIAN YANG BOLEH MENAMPUNG PESERTA SEHINGGA 2,000 ORANG.

PUSAT ITU ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA PROJEK PEMBANGUNAN PANTAI BAGAN LALANG SEPANJANG DUA KILOMETER YANG APABILA SIAP SEPENUHNYA AKAN MENGANDUNGI RESTOREN PANTAI, KELAB KAYAK, MEDAN IKAN BAKAR, GERAI MAKANAN, TAPAK PERKHEMAHAN DAN KEMUDAHAN BERJOGING SERTA SEBUAH PERKAMPUNGAN NELAYAN SELUAS 10 HEKTAR.

ANTARA KEMUDAHAN YANG DIRANCANG UNTUK PUSAT YANG DIURUSKAN OLEH KOPERASI PEMBANGUNAN DAERAH SEPANG ITU IALAH PADANG TENIS, PADANG BOLA DAN BLOK ASRAMA KEEMPAT YANG BOLEH MENAMPUNG 40 PESERTA. --  
BERNAMA.

1540MST 01 07 90